

03 AUG 1996

Bola sepak-Jurulatih

MELAKA HILANG PENOLONG JURULATIH PULA

MELAKA, 3 Ogos (Bernama) -- Selepas kehilangan jurulatih Rameli Junit, pasukan Liga Perdana Melaka terus dilanda masalah apabila dua penolong jurulatihnya turut meletak jawatan hari ini.

Mahazir Taha dan Jantan Ali mengemukakan surat peletakan jawatan kepada pengurus pasukan Datuk Yasin Sarip dan salinannya difakskan ke pejabat-pejabat media di sini.

Mahazir dan Jantan memberikan alasan sama bagi peletakan jawatan mereka iaitu kerana hal peribadi.

Rameli dalam surat peletakan jawatannya sebagai jurulatih yang berkuatkuasa kelmarin tidak memberikan alasan.

Beliau bagaimanapun memberitahu pemberita bahawa keputusan itu didorong oleh rasa kecewa dengan tindakan pengurus pasukan Datuk Yasin Sarip menggantung beliau daripada dua perlawanan iaitu semasa menentang Pulau Pinang Sabtu lepas dan menentang Perlis 7 Ogos ini.

Sumber-sumber Persatuan Bolasepak Melaka (MAFA) berkata semalam bahawa Mahathir dan Jantan yang dilantik oleh Rameli turut kecewa dengan pergolakan yang berlaku dalam skuad.

Peletakan jawatan dua penolong jurulatih itu akan menyebabkan pasukan Melaka kehilangan tenaga jurulatih bagi mengendalikan skuad kerana Presiden MAFA Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani semalam telah mengumumkan Mahazir dan Jantan menggantikan tempat Rameli.

Mohd Zin yang terkejut dengan tindakan Rameli berkata kedudukan jurulatih itu tidak pernah dipertikaikan walaupun ada pihak mendakwa kemasukan G. Torairaju sebagai penasihat teknikal pasukan telah menjejaskan kedudukannya.

Pergolakan yang melanda pasukan itu merupakan kejadian berulang kerana pada musim lepas, jurulatih dari Belanda, Laszlo Zalai turut meninggalkan pasukan di pertengahan musim dan Torairaju pula meletak jawatan di pertengahan musim 1994.

Sementara itu, Torairaju dijadual mengikuti kursus kejurulatihan bagi mendapatkan lesen kelas A di Kuala Lumpur pada 7 hingga 28 Ogos. ---

BERNAMA

MOZ RON